

Tujuh kampung terjejas banjir

IPOH – Beberapa kediaman dan premis di tiga daerah iaitu Bagan Datoh; Manjung dan Kerian ditenggelami air sedalam antara 0.5 hingga 1 meter, semalam.

Kampung Teluk Selendang dan Ladang Bharu di Bagan Datoh; Bagan Panchor di Pantai Remis; Kampung Depan Balai dan Kampung Teluk di Bagan Serai serta Kampung Nelayan dan Kampung Bagan Seberang di Parit Buntar.

Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Marenawati Abd Malek berkata, keadaan banjir akibat fenomena air pasang besar di negeri ini dijangka pulih dalam waktu terdekat.

Menurutnya, ia berdasarkan bacaan air pasang yang menunjukkan penurunan setelah mencecah tiga meter pada Isnin dan Selasa tetapi keadaan itu bergantung kepada keadaan cuaca dan hujan.

"Kalau tiada hujan yang sangat lebat, kita jangkakan keadaan banjir akan beransur pulih.



**FENOMENA AIR
PASANG BESAR**

Penduduk Kampung Bagan Panchor memindahkan haiwan peliharaan mereka ke tempat selamat.

"Pada Isnin, Bagan Datoh menunjukkan bacaan 3.3 meter yang direkodkan pada jam 6.40 pagi dan ia menurun 0.1 meter kepada 3.2 meter hari ini.

"Hanya di Pantai Remis dan Kerian menunjukkan rekod bacaan yang sama untuk kedua-dua hari iaitu 3.2 meter dan 2.9 meter," katanya.

Setakat ini katanya, JPS menjalankan pemantauan di ban-ban sedia ada bagi mengenal pasti sekiranya berlaku pecah, runtuh atau mendap.

"Kita akan jalankan kerja pembaikan segera, pembersihan di parit dan saluran JPS," katanya.